

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

Laporan Ketua Audit Negara 2021

# 1.1 juta vaksin tamat tempoh antara satu hingga 212 hari

**KKM belanjakan RM4.462 bilion bagi perolehan 75.88 juta dos vaksin**

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahruzki@bh.com.my

**Putrajaya:** Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2021 mendedahkan sebanyak 1.1 juta vaksin tamat tempoh antara satu hingga 212 hari, membabitkan Cansino, Comirnaty dan AstraZeneca.

Ketua Audit Negara, Datuk Seri Nik Azman Nik Abdul Majid, berkata sehingga April 2022, Kementerian Kesihatan (KKM) membelanjakan RM4.462 bilion daripada RM5.577 bilion peruntukan bagi perolehan 75.88 juta dos vaksin merangkumi Comirnaty, AstraZeneca, CoronaVac dan Convidecia.

Katanya, bekalan vaksin turut diperolehi daripada kerajaan negeri, pembelian oleh pihak swasta dan sumbangan negara luar dengan jumlah diterima sehingga April 2022 ialah 82.85 juta dos.

"Semakan Audit setakat April 2022 mendapati, sebanyak 71.26 juta dos sudah digunakan dan mempunyai baki 11.59 juta dos vaksin.

"Daripada baki itu, sebanyak 1.10 juta dos vaksin luput tempoh jangka hayat antara satu hingga 212 hari," katanya pada sidang media LKAN 2021 di sini, semalam.

LKAN menyatakan, nilai perolehan dos vaksin melalui perolehan kerajaan yang sudah luput tempoh hayat tidak dapat ditentukan pihak Audit.

Ia berikutan perekodan vaksin melalui sistem pengurusan dan pemantauan vaksin (VMS) tidak dapat dikategorikan berdasarkan

kaedah perolehan vaksin.

Sementara itu, audit terhadap Pengurusan Pendaftaran Penerima Vaksin COVID-19 dan Aplikasi MySejahtera mendapati wujud 1.12 juta cubaan serangan untuk memecah masuk ke aplikasi berkenaan.

Nik Azman berkata, Minit Mesyuarat Keselamatan MySejahtera Bilangan 1 Tahun 2022 yang dirujuk Jabatan Audit Negara mendapati cubaan itu menggunakan alamat IP 167.XX.XX.122.

Beliau berkata, cubaan itu dikesan berlaku mulai 27 Oktober 2021.

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2021 menyatakan, semakan audit turut mendapati syarikat terbabit dengan pembanguan aplikasi itu mengambil tindakan menyah aktif IP berkenaan sebagai langkah keselamatan.

Syarikat itu juga memasang peralatan *Web Application Firewall* (WAF) di awan pada 1 November 2021, selain melaksanakan pemantauan secara berterusan menggunakan peralatan WAF.

"Mesyuarat dipengerusikan pihak Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) pada 28 Oktober 2021 manakala cadangan susulan dibincang untuk dilaksanakan.

"Tindakan yang diambil adalah pengekangan IP pada 28 Oktober 2021 dan laporan polis pada 5 November 2021 serta mengkaji punca serangan dan mengambil langkah penambahbaikan," katanya.

#### Akses menentijakan

Nik Azman berkata, semakan terhadap Minit Mesyuarat Keselamatan MySejahtera Bilangan 1 Tahun 2022, mendapati ada cubaan daripada akaun 'Super Admin' melakukan akses mencurigakan dan memuat turun tiga juta maklumat penerima vaksin daripada aplikasi MySejahtera.

Beliau berkata, data menunjukkan aktiviti itu bermula pada 28 Oktober 2021 sehingga 31 Oktober 2021 dengan menggunakan pel-



Nik Azman menunjukkan buku Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 2 pada sidang media di Jabatan Audit Negara, semalam. (Foto BERNAMA)

bagai alamat IP.

Katanya, semakan lanjut Jabatan Audit Negara melalui data pengguna bagi urusan pentadbiran aplikasi MySejahtera mendapati akaun 'Super Admin' adalah capaian bagi Vaccine Admin aplikasi MySejahtera.

"Capaian Vaccine Admin membolehkan pengguna memuat naik atau turun janji temu vaksinasi, pengecualian vaksin dan rekod vaksinasi daripada Excel ke dalam pangkalan data MySejahtera secara pukal atau individu, mengemas kini dan menghapus rekod janji temu vaksinasi serta membuat semakan rekod vaksinasi," katanya.

Nik Azman berkata, KKM membatalkan akaun pengguna berkenaan, menambah pengesanan anomali dengan menyekat permintaan berulang yang tinggi dari sumber yang sama, memaklumkan pihak NACSA untuk menyekat permintaan berulang berdasarkan pengesanan anomali.

KKM turut memasang WAF di awan pada 1 November 2021 dan laporan polis dibuat pada 5 November 2021.

LKAN berkata, maklum balas KKM yang diterima pada 9 Sep-

tember 2022 dan 7 Oktober 2022 memaklumkan proses memuat turun data vaksin dilakukan melalui akaun Super Admin MyVAS.

Medan yang dimuat turun bagaimanapun tidak dapat dikenal pasti dan masih dalam siasatan pihak berkuasa manakala ID pengguna berkenaan dinyah aktif pada 2 November 2021.

Sementara itu, sebanyak 93 daripada 136 unit ventilator yang dibekalkan syarikat kepada fasiliti KKM antara 2020 hingga April 2022 ketika pengurusan COVID-19, tidak dapat digunakan.

Nik Azman berkata, ia menyebabkan kerugian dianggarkan RM13.07 juta.

Turut dikesan ialah lebih alat perlindungan peribadi (PPE) yang ketara dengan nisbah penggunaan antara 2.2 peratus dan 3.1 peratus, masing-masing membabitkan sarung kasut dan sut PPE.

Katanya, ia berbaki 3.08 juta pasang sarung kasut dan 0.84 juta helai sut PPE.

Beliau berkata, audit juga mendapati sejumlah RM145.37 juta baki peruntukan dana Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) belum dipulangkan oleh dua kerajaan negeri iaitu Selangor dan Sabah.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : LOKAL

## GAGAL PATUHI ETIKA BERPAKAIAN

## Terima pesakit tanpa diskriminasi

Ipoh

Pihak Hospital Kampar tidak pernah mengeluarkan arahan kepada kakitangan hospital itu atau menghalang pesakit yang tidak mematuhi etika berpakaian daripada menerima rawatan.

Pengarahnya Dr Khairul Azha Azam berkata, setiap pesakit yang datang ke hospital untuk menerima se-

barang rawatan, diterima dalam apa juga keadaan terutama sewaktu kecemasan.

Merujuk isu tular di sosial media berkenaan insiden pesakit wanita di kaunter triage pada 13 Februari lalu, hasil laporan mendapati seorang pesakit wanita berusia awal 20-an datang ke Unit Kecemasan Hospital Kampar dan beliau diperiksa oleh pegawai bertugas, di

kaunter berkenaan.

"Dia ditegur pegawai itu kerana berseluar pendek. Pegawai bertugas mengambil baju dan kain pesakit untuk diberikan kepada wanita itu untuk dipakai sementara, namun wanita itu meninggalkan kaunter triage dan memaklumkan kepada kakitangan lain dia mahu dapatkan rawatan di klinik swasta," katanya dalam kenyataan.



*Dia ditegur pegawai itu kerana berseluar pendek. Pegawai bertugas ambil baju dan kain pesakit untuk diberi kepadanya untuk dipakai sementara"*

Dr Khairul Azha

Mengulas lanjut, Dr Khairul Azha berkata, bagaimana pun wanita itu kembali semula ke Unit Kecemasan dan menerima rawatan dari doktor bertugas dan dibenarkan pulang.

Susulan insiden tersebut, Dr Khairul Azha berkata, teguran diberikan kepada pegawai terbabit berkaitan isu itu kerana tindakan itu adalah salah dan tidak boleh diulangi.

Beliau berkata, hebahan diberikan kepada semua kakitangan supaya menerima pesakit tanpa mengira isu pakaian atau sebarang diskriminasi.

Tular di media sosial mengenai dakwaan seorang wanita yang ingin mendapatkan rawatan di Hospital Kampar diminta pulang menukar pakaian oleh pegawai bertugas kerana memakai seluar pendek.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : LOKAL

## 1.10 juta vaksin dikesan sudah tamat tempoh

**Putrajaya:** Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2021 mendedahkan 1.10 juta vaksin sudah tamat tempoh antara satu hingga 212 hari.

Ketua Audit Negara, Datuk Seri Nik Azman Nik Abdul Majid berkata, ia memabitkan vaksin Cansino, Comirnaty dan AstraZeneca.

Beliau berkata, sehingga

April 2022, Kementerian Kesihatan (KKM) membelanjakan RM4.462 bilion daripada RM5.577 bilion peruntukan bagi perolehan 75.88 juta dos vaksin, terdiri daripada vaksin Comirnaty, AstraZeneca, CoronaVac dan Convidecia.

Beliau berkata, selain itu, bekalan vaksin turut diperolehi daripada kerajaan negeri, pembelian oleh pihak

swasta dan sumbangan dari negara luar.

Katanya, sehingga April 2022 jumlah keseluruhan vaksin yang diterima adalah sebanyak 82.85 juta dos.

“Semakan Audit selanjutnya setakat April 2022, sebanyak 71.26 juta dos sudah digunakan dan mempunyai baki sebanyak 11.59 juta dos vaksin.

“Daripada jumlah baki itu,

sebanyak 1.10 juta dos vaksin sudah luput tempoh jangka hayat antara satu hingga 212 hari,” katanya pada sidang media LKAN 2021, di sini, semalam.

Pun begitu, LKAN menyatakan, nilai perolehan dos vaksin melalui perolehan kerajaan yang sudah luput tempoh hayat tidak dapat ditentukan pihak audit.

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 6  
 RUANGAN : NEGARA

Cubaan mencerooboh dikesan menerusi aplikasi itu sejak 27 Oktober 2021

## MySejahtera 'diserang' 1.12 juta kali

LAPORAN  
 AUDIT  
 NEGARA



Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

**PUTRAJAYA** – Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2021 Siri 2 semalam mendedahkan aplikasi MySejahtera cuba diceroboh sebanyak 1.12 juta kali sejak 27 Oktober 2021.

Ketua Audit Negara, Datuk Seri Nik Azman Nik Abdul Majid berkata, dapatan itu diperoleh menerusi auditan program Pengurusan Pendaftaran Vaksin Covid-19 dan Aplikasi MySejahtera di bawah kendalian Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan (KKM).

Menurut Nik Azman, cubaan serangan siber terhadap MySejahtera didapati mengancam keselamatan data pengguna yang berada dalam aplikasi tersebut.

"Cubaan memasuki aplikasi (MySejahtera) itu dikesan menggunakan alamat Protokol Internet (IP) 167.XX.XX.122 sejak 27



APLIKASI MySejahtera diperkenalkan kerajaan bagi membantu menangani wabak Covid-19. – GAMBAR HIASAN

Oktober 2021.

"Semakan audit mendapati beberapa tindakan telah diambil syarikat pengendali aplikasi itu termasuk menyahaktif IP tersebut dan memasang peralatan Web Application Firewall (WAF) di 'cloud' pada 1 November 2021," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Jelas beliau, pihaknya difa-

hamkan, Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) sudah membuat laporan polis berhubung perkara itu dan akan mengkaji punca serangan tersebut.

Tambahnya, dapatan lain turut didedahkan termasuk kewujudan satu akaun 'super admin' yang dikesan memuat turun tiga juta maklumat penerima vaksin daripada aplikasi MySejahtera

dengan menggunakan pelbagai alamat IP.

Nik Azman berkata, semakan audit mendapati, aktiviti tersebut bermula pada 28 Oktober 2021 sehingga 31 Oktober tahun yang sama dengan menggunakan pelbagai alamat IP.

"Super admin' itu didapati menggunakan capaian sama dengan 'admin vaksin' termasuk

memuat naik dan turun janji temu vaksinasi, pengecualian vaksin dan rekod vaksinasi dalam pangkalan data MySejahtera secara pukal dan individu," katanya.

Ujarnya, tindakan diambil termasuk membatalkan akaun pengguna tersebut, menambah pengesanan anomali dengan menyekat permintaan berulang yang tinggi daripada sumber sama. Satu laporan polis juga dibuat pada 5 November 2021.

"Dapatan lain yang ditemui termasuk mengesan 1,543 individu yang mempunyai dua hingga tujuh akaun MySejahtera melibatkan 3,108 MySJ ID berstatus aktif.

Nik Azman memberitahu, pihaknya turut mendapati, sebanyak 11 akaun pengguna Pusat Pemberian Vaksin (PPV) dibatalkan antara tiga dan 63 hari selepas PPV tersebut ditutup.

"Kami juga mendapati seramai 70 individu yang meninggal dunia mempunyai akaun MySejahtera yang aktif," katanya.

Secara keseluruhannya, program Pengurusan Pendaftaran Vaksin Covid-19 dan MySejahtera dilaksanakan dengan baik dalam membantu kerajaan menangani penularan Covid-19.

## Ventilator tidak boleh guna sebabkan kerugian RM13j

**PUTRAJAYA** – Sebanyak 93 daripada 136 unit ventilator yang dibekalkan kepada Kementerian Kesihatan (KKM) tidak dapat digunakan.

Perkara itu didedahkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 2 semalam berkaitan program Pengurusan Wabak Covid-19 oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Ketua Audit Negara, Datuk Seri Nik Azman Nik Abdul Majid berkata, pembelian peralatan itu dibuat pada awal 2020 hingga April 2022 bagi operasi dan pengurusan Covid-19.

"Keadaan itu menyebabkan kerajaan kerugian sebanyak RM13.07 juta," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Dalam perkembangan lain, Nik Azman berkata, pihaknya mendapati, sebanyak RM145.37 juta baki peruntukan dana Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) masih belum dipulangkan kerajaan Selangor dan Sabah setakat April 2022.

"Setiasaha Kerajaan Negeri Sabah mengesahkan baki akhir yang akan dipulangkan

kepada KWAN adalah RM174 juta, manakala Selangor pula RM47.38 juta," katanya.

Selangor dan Sabah sepatutnya memulangkan baki KWAN selepas program itu tamat pada Oktober lalu.

Selain itu, beliau memberitahu, laporan audit turut mengesan lebih alat pelindungan peribadi (PPE) yang ketara iaitu 3.08 juta pasang sarung kasut dan 0.84 juta helai sut PPE.

"Lebih stok ini adalah disebabkan perubahan prosedur pemakaian PPE pada Februari 2022 dan penurunan bilangan pesakit Covid-19," katanya.

LKAN mendapati, sebanyak 1.10 juta dos vaksin telah luput antara satu dan 212 hari.

"Nilai perolehan vaksin melalui perolehan kerajaan yang luput tempoh hayat tidak dapat ditentukan pihak audit susulan perekodan vaksin melalui sistem pengurusan vaksin tidak dapat dikategorikan berdasarkan kaedah perolehan vaksin.

"Setakat April 2022, sebanyak 71.26 juta dos digunakan, manakala bakinya adalah 11.59 juta dos," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

## Cari punca petugas kesihatan mahu mogok

**SHAH ALAM** - Terdapat khabar angin yang mendakwa pekerja kesihatan mahu mengadakan mogok berikutan kecewa dan tertekan dengan sistem penjagaan kesihatan di negara ini.

Dakwaan itu mendapat maklum balas Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa.

Beliau berkata, pihaknya ada mendengar khabar bahawa akan dilakukan perencanaan mogok mengejut namun tidak pasti sama ada ia berlaku atau tidak.

Menurut Dr Zaliha, Kementerian Kesihatan (KKM) sedia bersemuka dengan kumpulan itu dan berbincang bagi menyelesaikan masalah.

"Sama ada berlaku atau tidak, saya sendiri tiada kepastian tetapi saya akan selesaikan masalah tersebut.

"Saya minta kepada semua yang mungkin terbabit atau cuba terlibat dalam perkara ini, kena tahu bahawa perkara mogok tidak menyelesaikan masalah," jelasnya menerusi video di Tik Tok pada Khamis.

Media melaporkan, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menggesa kerajaan mengambil serius sentimen pekerja kesihatan yang dikatakan mahu mengadakan mogok berikutan kecewa dan tertekan dengan sistem penjagaan kesihatan.

Presidennya, Dr Muruga Raj Rajathurai berkata, biarpun tidak bersetuju dengan



**DR ZALIHA**

tindakan mogok itu, pihaknya memahami kekecewaan dan keletihan melampau dihadapi petugas tersebut yang mahu suara mereka didengari.

Minggu lalu, Gerakan Hartal Doktor Kontrak bersedia melakukan mogok sekali lagi jika KKM terus 'membisu' dalam menangani isu sistem kesihatan negara.

Dr Zaliha turut meminta diberikan sedikit masa dalam mencari penyelesaian terbaik.

"Bagaimanapun, ia memerlukan sedikit masa untuk untuk saya memahami sebaik-baiknya supaya penyelesaian terbaik dapat kita laksanakan," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

## 1.1 juta vaksin dilapor tamat tempoh

**PUTRAJAYA** - Sebanyak 1.1 juta vaksin dilaporkan telah tamat tempoh antara satu hingga 212 hari membabitkan jenama Cansino, Comirnaty dan AstraZeneca.

Ketua Audit Negara, Datuk Seri Nik Azman Nik Abdul Majid berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) membelanjakan sejumlah RM4.462 bilion daripada RM5.577 bilion peruntukan bagi perolehan 75.88 juta dos vaksin terdiri daripada vaksin Comirnaty, AstraZeneca, CoronaVac dan Convidecia.

Katanya, semakan audit juga mendapati setakat April 2022, sebanyak 71.26 juta dos sudah digunakan dan masih mempunyai baki 11.59 juta dos vaksin.

"Daripada jumlah baki itu, sebanyak 1.1 juta dos vaksin sudah luput tempoh jangka hayat antara satu hingga 212 hari.

"Bagaimanapun nilai perolehan dos vaksin melalui perolehan ke-

rajaan yang telah tamat tempoh hayat tidak dapat ditentukan pihak audit kerana perekodan vaksin melalui VMS (sistem pengurusan dan pemantauan vaksin) tidak dapat dikategorikan berdasarkan kaedah perolehan vaksin," katanya.

Sehingga April 2022, jumlah keseluruhan vaksin yang diterima adalah sebanyak 82.85 juta dos dan bekalan vaksin dilapor diterima daripada kerajaan negeri, pembelian oleh pihak swasta dan sumbangan dari luar negara.

Nik Azmin memaklumkan, KKM telah memuktamadkan perolehan berjumlah 1.387 dos daripada jumlah keseluruhan 6.473 dos yang dipersetujui melalui Global Alliance for Vaccines and Immunization (GAVI).

"KKM buat masa ini, tidak menerima pelawaan terkini GAVI untuk sebarang pembelian vaksin tambahan.

"Oleh itu, terdapat keperluan

kajian semula perjanjian antara KKM dan GAVI mengenai keperluan pembelian vaksin yang baharu untuk mengelak pembaziran," katanya.

Nik Azman berkata lagi, Sabah dan Selangor masih belum memulangkan baki dana dipinjamkan daripada Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) berjumlah RM145.37 juta bagi tujuan perolehan vaksin dan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK).

Bellau berkata rundingan sedang dijalankan bersama Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bagi tujuan mendapatkan baki peruntukan tersebut, sebelum rundingan sama diadakan dengan Sabah.

Menurutnya, dana tersebut, yang tidak didedahkan jumlah pecahan baki bagi setiap negeri, sepatutnya dipulangkan pada KWAN setelah program PICK tamat pada Oktober 2021.



Vaksin tamat tempoh babitkan jenama Cansino, Comirnaty dan AstraZeneca.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

## 93 ventilator tidak dapat digunakan, kerajaan rugi RM13.07 juta

**PUTRAJAYA** - Sebanyak 93 daripada 136 unit ventilator yang dibekalkan syarikat kepada fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ketika pengurusan wabak Covid-19 antara tahun 2020 hingga April 2021 tidak dapat digunakan.

Ketua Audit Negara, Datuk Seri Nik Azman Nik Abdul Majid berkata, menerusi semakan audit mendapati keadaan itu telah mengakibatkan kerugian berjumlah RM13.07 juta.

Katanya, ventilator terbabit tidak memenuhi ujian spesifikasi teknikal dan ujian prestasi serta kuantitatif.

"Berdasarkan maklum balas KKM, penilaian perolehan ventilator yang dibuat berdasarkan brosur dan katalog pengilang kerana pada tempoh berkenaan semua sempadan negara telah ditutup menyebab-

kan aktiviti perolehan dan pergerakan peralatan perubatan menjadi sangat terhad.

"Oleh itu pengesahan spesifikasi ventilator yang dibeli hanya dapat disahkan apabila peralatan itu tiba di fasiliti kesihatan," katanya ketika sesi taklimat mengenai Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2021 Siri 2 pada Khamis.

Dalam pada itu Nik Azman memaklumkan, semakan audit yang dilakukan terhadap aktiviti KKM turut mendapati terdapat lebih alat pelindungan peribadi (PPE) yang ketara dengan nisbah penggunaan antara 2.2 peratus dan 3.1 peratus masing-masing membabitkan sarung kasut dan sut PPE.

Jelasnya, ia berbaki sebanyak 3.08 juta pasang sarung kasut dan 0.84 juta helai sut PPE.

Sementara itu mengenai penggunaan ventilator, beliau berkata, penggunaan gas oksigen dilaporkan telah melebihi had sekalis memberi kesukaran perawat di wad blok selatan Hospital Kuala Lumpur (HKL) semasa tempoh pandemik Covid-19.

"Bilangan jururawat sedia ada yang ditempatkan di wad Unit Rawatan Rapi semasa tempoh pandemik juga adalah tidak mencukupi dan menimbulkan kesulitan terutamanya apabila terdapat jururawat yang bercuti kuarantin," ujarnya.

Sementara itu, kelemahan dalam kutipan sewa kuarters kerajaan di Putrajaya menyebabkan ketirisan hasil berjumlah RM1.66 juta kepada kerajaan.

Kerugian tersebut merangkumi sewa kuarters RM1.16 juta yang tidak dikutip terhadap penghuni seawal tahun 2007.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

## Segera tubuh Suruhanjaya Kesihatan

**PETALING JAYA:** Kerajaan perlu mengutamakan nyawa rakyat terlebih dahulu meskipun terpaksa memperuntukkan lebih banyak wang untuk mengambil lebih banyak doktor kontrak sebagai kakitangan tetap.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Jurucakap Gerakan Hartal Doktor Kontrak memaklumkan, perkara itu perlu menjadi asas utama dalam merangka Suruhanjaya Kesihatan yang bakal dibentangkan pada masa terdekat ekoran sistem kesihatan awam semakin kritikal kerana banyak hospital kerajaan berdepan masalah kekurangan petugas

apabila seorang doktor kini perlu merawat 1,000 pesakit.

Katanya yang dienggan dikenali, punca kekurangan pegawai perubatan disebabkan lebih 514 doktor kontrak berhenti kerja pada tahun lalu kerana kecewa kerajaan lambat menyelesaikan isu kebajikan dihadapi sebelum ini dan mahu mencari peluang cerah di luar negara atau hospital swasta berbanding berkhidmat di tanah air sendiri.

"Menteri cakap kalau boleh mahu ambil semua pekerja, tetapi beliau akui ada kekangan iaitu ketiadaan dana untuk pengambilan serta keterbatasan

perjawatan. Kalau sudah sampai tahap wad kecemasan pesakit kena menunggu lama sebab tidak cukup doktor, jadi mana lebih penting nyawa atau duit," katanya.

Sebelum ini, Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa di Dewan Rakyat dilaporkan berkata, pihaknya memang mahu menyerap semua kakitangan kesihatan termasuk petugas kesihatan kontrak menjadi kakitangan tetap, namun mengakui kerajaan berdepan kekangan ketiadaan dana dan keterbatasan perjawatan.

Dalam pada itu, jurucakap

sama memberitahu, hasrat menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan perlu disegerakan atau selewat-lewatnya pertengahan tahun ini kerana rancangan itu sudah lama namun sehingga kini belum nampak hasilnya walaupun Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah memberitahu, akan dibentangkan di Parlimen dalam masa terdekat.

Katanya, penubuhan suruhanjaya akan menjadi sembang kosong semata-mata jika dibicarakan tanpa sebarang tindakan khususnya dalam memperhalusi soal tuntutan doktor kontrak.



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA HADAPAN

## Tiga juta maklumat penerima vaksin MySejahtera digodam

**PUTRAJAYA:** Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2021 Siri 2 mendedahkan kewujudan satu akaun *super admin* yang dikesan telah memuat turun tiga juta maklumat penerima vaksin daripada aplikasi MySejahtera.

Ketua Audit Negara, Datuk Seri Nik Azman Nik Abdul Majid berkata, semakan audit mendapati aktiviti itu bermula 28 Oktober hingga 31 Oktober 2021 dengan menggunakan pelbagai alamat Protokol Internet (IP).

Beliau berkata, ia hasil penemuan audit berhubung pengurusan pendaftaran penerima vaksin Covid-19 dan aplikasi MySejahtera di bawah Kementerian Kesihatan (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

**Bersambung di muka 3**

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

## Tiga juta maklumat penerima vaksin MySejahtera digodam

### Dari muka 1

"Super admin itu didapati menggunakan capaian sama dengan admin vaksin termasuk memuat naik dan turun janji temu vaksinasi, pengecualian vaksin dan rekod vaksinasi dalam pangkalan data MySejahtera secara pukal dan individu," katanya dalam taklimat kepada media berhubung laporan itu di sini semalam.

Nik Azman turut mendedahkan, aplikasi MySejahtera cuba diceroboh sebanyak 1.12 juta kali mulai 27 Oktober 2021 di kesan menggunakan alamat IP 167.XX.XX.122

Beliau berkata, cubaan serangan siber terhadap aplikasi itu didapati mengancam keselamatan data pengguna yang

berada pada aplikasi berkenaan.

"Semakan audit mendapati beberapa tindakan telah diambil oleh syarikat pengendali aplikasi itu termasuk menyahaktif IP berkenaan dan memasang peralatan *Web Application Firewall (WAF)* di cloud pada 1 November 2021," katanya.

Katanya, pihaknya difahamkan Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) sudah membuat laporan polis terhadap serangan itu dan akan mengkaji punca serangan berkenaan.

Beliau menjelaskan, tindakan diambil termasuk membatalkan akaun pengguna itu, menambah pengesanan anomali dengan menyekat permintaan berulang yang tinggi dari sumber sama dan membuat laporan polis pada 5 November 2021.

Jelasnya, dapatan lain ditemui termasuk mengesan 1,543 individu yang mempunyai antara dua hingga tujuh akaun MySejahtera melibatkan 3,108 MySJ ID berstatus aktif.

Nik Azman berkata, pihaknya juga mendapati sebanyak 11 akaun pengguna Pusat Pemberian Vaksin (PPV) telah dibatalkan antara tiga hingga 63 hari selepas PPV tersebut ditutup.

"Kami juga mendapati 70 individu yang telah meninggal dunia mempunyai akaun aplikasi MySejahtera (MySJ ID) yang berstatus aktif," jelasnya.

Katanya, secara keseluruhannya, program Pengurusan Pendaftaran Vaksin Covid-19 dan Aplikasi MySejahtera dilaksanakan dengan baik dalam membantu kerajaan menangani

penularan wabak Covid-19.

Sementara itu, Jabatan Audit Negara (JAN) turut mendedahkan dua isu tertunggak yang belum diselesaikan pihaknya sehingga ke hari ini membabitkan tuntutan pampasan tanah bagi pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA Terminal 2) dan pampasan tanah Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Pulau Pinang.

Nik Azman berkata, isu tuntutan pampasan syarikat kepada Kementerian Pengangkutan (MOT) bermula sejak 2016 dan ia masih di peringkat rundingan.

Beliau berkata, ada tiga isu masih dalam status tindakan dan langkah penyelesaian masih di peringkat rundingan antara kementerian dan syarikat.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS / NATION

## 1.1 million doses of Covid-19 vaccines destroyed

**KUALA LUMPUR:** It is estimated that about 1.1 million doses of the Covid-19 vaccine that expired in April 2021 were destroyed.

This was revealed in the latest Auditor General's Report.

Last month, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim highlighted the issue of expired vaccines when he announced that there were five to six million doses left in stock after expired doses were destroyed following poor demand.

The report revealed that RM13 million was wasted in the procurement of 93 unusable ventilators.

Auditor General Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid said it was also found that nursing positions were not filled according to staffing requirements and failed to follow the level of care ratio.

The report noted that state governments had not returned a sum of RM145 million secured from the National Trust Fund.

In December 2021, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, who was the then finance minister, told the Dewan Rakyat that the government had decided to use RM6 billion from the fund.

This, he said, was to ensure sufficient supply of vaccines, including for booster doses, for the adult population and teenagers.

The fund, from which the government had made only one withdrawal since 1988, was tapped into during the emergency ordinance.



Five to six million doses were left in stock after expired doses were destroyed. FILE PIC

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : VIEWS

## Reality of psychiatric patients

It is important to recognise that while the stabbing incident at the Hospital Selayang waiting area was extremely regrettable, the individual responsible could be a person with a long-term mental illness who was in a state of relapse at that time.

The individual was reported to have a history of mental illness and obviously had difficulty managing his emotions.

While we cannot condone such outbursts, we must also recognise the danger involved in individuals not getting the care they require to properly manage their affliction.

We must take this opportunity to stress the importance of providing individuals with access to proper care and support to prevent incidents like this from happening again.

Director-general of Health Dr Noor Hisham Abdullah was probably right in saying the stabbing incident had nothing to do with overcrowded wards and that it could have happened anywhere because the patient was already experiencing mental health issues.

It must be pointed out that psychiatric patients are no more prone to exhibiting violence than the general population.

They have violent tendencies only when they are in relapse due to not taking their medications or other factors that put them under extreme duress.

This highlights the importance of those with psychiatric illnesses to receive proper care and treatment to ensure they can manage their condition.

It is also a universal reality that

there is a high incidence of psychiatric patients themselves being victims of violence and exploitation.

The police must be congratulated for their swift action in ensuring the suspect was placed at the Selayang Hospital psychiatric ward for assessment and treatment.

It is heartening to note that the victim is stable after undergoing surgery for injuries to his abdomen and back from the attack.

The Malaysian Mental Health Association is willing to offer psychological support to the victim who has undergone an extremely traumatic event.

**PROF DATUK DR ANDREW MOHANRAJ**  
President  
Malaysian Mental Health Association

## Walk in the shoes of medical personnel

IT'S high time the director-general of Health and those in positions of power wake and listen to hospital and clinic staff when they say that patients' well-being and care are already compromised. "Health services in crisis" (*The Star*, Feb 16; online at <https://bit.ly/3KbgLpR>).

Across the country, many horror stories are coming to light, for example, Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang closed its Emergency Department to non-critical patients due to a high patient load recently; there are long queues of patients at government clinics, with most forced to stand because there are no chairs available; and a lift with an intubated patient inside broke down.

Medical officers in rural facilities are forced to create MacGyver-style

solutions from rudimentary equipment to stabilise their patients' blood pressure. Certain medicines are withheld from patients simply because there is a strict quota for recipients.

Inpatients are occasionally discharged earlier to make way for incoming ones. Patients die en route to receiving medical care because "en route" means a half-day drive to the nearest centre with the appropriate service and equipment.

Our on-the-ground healthcare professionals are all trying their very best to ensure the service runs smoothly with limited disruptions. Ironically, their tenacity and ingenuity have only given the upper echelons an excuse to brush aside the dire need to address the

structural problems.

Instead of asking our doctors to be mature and stand down, perhaps our Health Minister and DG (being medical doctors themselves) can do better by shadowing a medical officer for the entire duration of one shift to experience the true extent of the issues.

They can then return to the Cabinet to impress upon the rest of our lawmakers and administrators how truly messed up our public healthcare system is.

If things remain the same after this intervention, we will know for sure who is really responsible for compromising patient safety and well-being.

**LEONARD GOH**  
Ulu Tiram, Johor

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

# MySejahtera came under cyber attacks

## Auditor-General's Report reveals security concerns

**PUTRAJAYA:** Security concerns over the MySejahtera app are among the weaknesses highlighted in Series 2 of the 2021 Auditor-General's report.

The report found that there were a total of 1.12 million cyber attack attempts on the MySejahtera app.

Citing the minutes from the MySejahtera security meeting in 2022, the audit findings on the Health Ministry and National Security Council's Management of Covid-19 Vaccine Recipient Registration and the MySejahtera app revealed that cyber attack attempts began on Oct 27, 2021 using a specific IP address.

Action was taken to beef up security, including taking down the IP address used for the attacks, installing a web application firewall on Nov 1, 2021 and carrying out continuous surveillance on the app.

The Health Ministry said in its response to the National Audit Department on Sept 9, 2022 that the

### AG Report 2021: Compliance Audit on Ministries and Federal Agencies

- > Loss of public funds: **RM116.95mil**
- > Irregular payments: **RM26.03mil**
- > Wastage: **RM15.1mil**
- > Total losses of public funds, irregular payments and wastage: **RM158.08mil**
- > 22 audit recommendations

IP address used in the cyber attack was deactivated on Oct 28, 2021, and a police report was lodged on Nov 5, 2021.

The ministry also told the Audit Department that it has studied the cause of the attack and taken action to improve the system.

In addition, the audit report tabled in the Dewan Rakyat yesterday discovered that from Oct 28 to



**Systematic review:** National Audit Department staff member Eliza Suria Mohd Noor showing a copy of the Auditor-General's Report 2021 Series 2 in Putrajaya. — AZMAN GHANI/The Star

Oct 31, 2021, there were attempts from a "super admin" account to download information of three million vaccine recipients using five IP addresses.

Further audit checks on user data revealed that the account allowed access to the vaccine administrator of the MySejahtera app. Access to a vaccine administrator paves the way for the user to download all vaccination data in bulk and even enables them to destroy the data.

As a precautionary measure, the Health Ministry cancelled the super admin account and lodged a police report on Nov 5, 2021.

In its response to the Audit Department, the ministry said the super admin account, which was authorised by the Health Ministry, was abused and a request to download the data of three million vac-

cine recipients from MySejahtera was submitted.

"As soon as the matter was discovered, the account was restricted immediately," said the Health Ministry. It added that the matter was under police investigation.

"The security management of the MySejahtera data and application has to be strengthened to curb cyber attacks and ensure that the data of vaccine recipients is safe," read the audit opinions.

In its overall opinion, the report found that the management of registration of Covid-19 vaccine recipients and the MySejahtera app was well implemented.

Watch the video  
TheStarTV.com



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NATION

## Unplanned strike not by us, says Hartal Doktor Kontrak movement

By ZAKIAH KOYA  
zakiah@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Any last-minute or random strike by public healthcare workers will never be the work of the Hartal Doktor Kontrak movement, according to a spokesperson.

Revealing that the movement leaders were set to meet Health Minister Dr Zaliha Mustafa next week, the spokesperson said an unplanned strike by doctors would be improper as it may jeopardise the lives of patients.

The spokesperson, who is also a doctor, added that the Health Minister's political secretary, Napsiah

Khamis, had contacted them yesterday and set Feb 22 tentatively for the Hartal Doktor Kontrak leaders to meet Dr Zaliha in Putrajaya.

"We have yet to be given the agenda of the meeting and we are looking forward to it," said the spokesperson, who wanted to remain anonymous.

"That unannounced strike which was publicised was never planned by us to begin with.

"We had not planned any strike. If we are going to hold a strike, we will ensure that a notice period is given.

"For the last strike, we gave a one-month notice and planned it so that patients were not on the receiving

end," the spokesperson added.

"As doctors, it would be unethical for us to go on an unplanned strike as we have a duty to our patients,

"We are open to meeting Dr Zaliha and will go with our main demands – to amend the EPF Act so that all of us contract doctors can be absorbed into permanent employment of the civil service.

"The Hartal Doktor Kontrak movement's second demand would be the National Health Services Commission as promised in Pakatan Harapan's 15th general election manifesto.

"It is not only contract doctors who are in this situation. Healthcare inspectors and many other

positions on contract, who played forerunner roles during the Covid-19 pandemic, are also being laid off after their contracts end.

"Such a health services commission is therefore vital so that the ministry itself would have the power to decide on how many staffers to take in, instead of relying on the Public Service Commission," said the spokesperson.

In its last manifesto, Pakatan promised that if it won the Federal Government, it would set up a National Health Services Commission to resolve problems with contract doctors and reinforce the management of human resources, staffing, training and career growth

of healthcare staff.

In a statement on Tuesday, Malaysian Medical Association (MMA) president Dr Muruga Raj Rajathurai said the association had heard of a possible strike by public healthcare workers.

While acknowledging that the healthcare system and its human resources had been stretched to their limits for many years, MMA did not condone the strike and urged the government to speed up reforms to address long-standing grievances.

On Jan 23, the Health Ministry announced 4,914 permanent positions for healthcare workers, including 4,200 for doctors.

## 'New PAC can probe vaccine purchase again'

**PETALING JAYA:** The actions of the Public Accounts Committee (PAC) in approving the Covid-19 vaccine procurement can be reviewed by the soon-to-be-formed new PAC.

Taiping MP Wong Kah Woh, who was chairman of the 14th PAC, said it was not uncommon for any other party to conduct further investigations into any issues presented by the PAC in Parliament.

He was commenting on Health director-general Dr Noor Hisham Abdullah's statement that the ministry had presented everything on

the vaccine procurement to the 14th PAC.

"We have answered on this matter to the PAC. There were 512 pages and the then PAC chairman (Wong) had made announcements on this," he said when asked about the government's decision to further investigate the Covid-19 vaccine procurements.

Health Minister Dr Zaliha Mustafa will present a White Paper on the matter to Parliament.

Wong said the new PAC was welcome to probe the matter based on the White Paper.

"It is not uncommon for any party, including the government, audit agencies or authorities to conduct further investigations on matters presented in PAC reports in Parliament.

"Such follow-up actions can further establish the position of PAC as a vital check-and-balance institution.

"The 14th PAC had conducted the proceedings on the issue of the Covid-19 vaccine procurement and its use for Malaysians. We presented the PAC report (on procurement) on Dec 1, 2021, and another PAC

report on further actions on March 24, 2022.

"The 15th PAC, which will be established by Parliament, will be able to decide whether to further investigate the issue of Covid-19 vaccine procurement," he said.

When asked to comment on the government's new investigation on Wednesday, Dr Noor Hisham said it was not for the Health Ministry to answer.

"Should we answer, it would be undermining the authority of PAC. We have presented everything to PAC," he replied.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

## 'Only 28 of 136 ventilators could be used'

**KUALA LUMPUR:** Only 28 of the 136 ventilators obtained by the Health Ministry through an emergency procurement procedure could be used, according to the Auditor-General's Report for the Year 2021 Series 2 released yesterday.

The remaining 108 units, supplied by a company only referred to as 260790-T, could not be used because they were unsuitable and unsafe for patients.

The ministry returned only 15 of them to the manufacturer while compensation amounting to RM13.07 million for the other 93 units could not be claimed because there was no procurement documentation between company 260790-T and the ministry.

- Bernama